

Warga UMS perlu budayakan inovasi dan kreativiti

NST 29.11.2012 9

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabahtimes.com.my

KOTA KINABALU: Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) wajar meneruskan pembudayaan inovasi dan kreativiti bagi meningkatkan perkhidmatan profesional dan sebagai usaha mengorak langkah menjadi Universiti Penyelidikan.

Naib Canselornya Prof Datuk Mohd Harun Abdullah berkata, amalan dan pembudayaan itu juga adalah selaras dengan matlamat program transformasi negara dalam melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan dengan segera.

"Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) ini sememangnya wajar dilaksanakan setiap tahun bagi menerapkan konsep knowledge base dan creativity driven membolehkan organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tambah kepada mutu perkhidmatan yang berkualiti.

"Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat berpasukan dan memupuk nilai dan etika kerja yang positif," katanya dalam ucapan pelancaran Konvensyen KIK UMS ke-3 di Dewan Resital UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pendaftar UMS Datuk Abdullah Mohamad Said.

Mohd Harun berkata, pembudayaan seumpama itu juga tepat pada masanya dan wajar dipraktikkan kerana ia membantu organisasi menghasilkan inovasi yang memberi nilai tam-

bah kepada perkhidmatan berkualiti.

"Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat berpasukan dan memupuk nilai dan etika kerja yang positif," katanya.

Beliau juga menyambut baik penganjuran konvensyen KIK yang menurutnya memberi ruang dan peluang kepada petugas membantu organisasi memilih, mengenal pasti dan menganalisis masalah yang berkaitan dengan kerja, melalui teknik, kreativiti serta daya yang berinovasi.

"Dengan menggalakkan penubuhan KIK, para kakitangan juga boleh menyuarakan sesuatu cadangan penyelesaian terhadap sesuatu masalah kepada pengurusan UMS.

"Contohnya, KIK Nexus daripada Jabatan Pendaftar telah mencadangkan penyelesaian kepada masalah pengambilan jawatan akademik dan bukan akademik, KIK Dinamik pula mencadangkan Troli Dinamik, KIK TechKal mencadangkan Papan Lutsinar, sementara KIK Regiment mencadangkan penyelesaian kepada masalah Laporan Penilaian Tahunan (LNPT).

"Kesemua pasukan ini telahpun berjaya mewakili UMS dalam Konvensyen KIK di peringkat IPTA, Sektor Awam Negeri Sabah serta Konvensyen Innovative and Creative Circle (ICC) anjuran MPC Sarawak dan Sabah," katanya.

Mohd Harun juga berharap agar semua Ketua Jabatan dan Urus Setia, dapat memastikannya agar lebih banyak lagi kumpulan baharu dibentuk bagi menghasilkan projek yang lebih baik dan mencabar.